

# BATA MERAH

BATA MERAH | JULAI - SEPTEMBER 2024



## FAMES 2024

MENCIPTA SEJARAH



### Juara Sulung?

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



# ISI KANDUNGAN



**05 DEAN DRAGONS JUARA FAMES2024**

Senarai Kandungan Bata Merah (JUL-SEPT)

## 03 FAMES2024

Pupuk Semangat Perpaduan



## 09 KOLOKIUM SISWAZAH PSITRA 2024

Membentuk Masa Depan Sejahtera Melalui Penyelidikan

## 11 CSR FSSK

Kelestarian Alam Sekitar melalui Program Khidmat Masyarakat FSSK



## LAWATAN-LAWATAN DI FSSK

### 16 Kerjasama Serantau FSSK UKM x USU



### 17-20 Lawatan di FSSK



## LAWATAN FSSK KE LUAR NEGARA

### 22 Universitas Negeri Padang Universitas Andalas



## HEALTHCOMM KKM WHO

Terajui Dasar Literasi  
Kesihatan Kebangsaan



# FAMES2024

## PUPUK SEMANGAT PERPADUAN



Bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan Malaysia yang ke-67, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) buat julung kalinya menganjurkan Sukan Fakulti atau FAMES2024 bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga FSSK. Sebanyak enam acara dipertandingkan merangkumi dart, karom, ping pong, boling, bola tampar dan tarik tali serta telah berlangsung sepanjang Ogos hingga pertengahan September 2024 yang lalu. Tujuh pasukan yang mewakili setiap pusat kajian dan pejabat kedekanan akan berentap di dalam FAMES2024. Pasukan-pasukan berkenaan adalah **Dean Dragons** (Pejabat Kedekanan), **Sphea Scorpions** (SPHEA), **PKBL Lions** (PKBL), **Mention Eagles** (MENTION), **Psitra Raptors** (PsiTRA), **Seeds Shark** (SEEDS) dan **Bitara Bee** (BITARA MELAYU).

Menurut Dekan FSSK, YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub FAMES2024 merupakan acara yang julung kali diadakan di fakulti ini dan bertujuan untuk mengeratkan tali silaturrahim dalam kalangan ahli fakulti disamping memupuk semangat perpaduan dan cintakan fakulti. Beliau berkata demikian pada Upacara Pembukaan FAMES2024 yang telah berlangsung pada 7 Ogos yang lalu di Dataran Dewan Perdana.

Pada upacara itu juga, pingat emas pertama FAMES telah dirangkul oleh pasukan Dean Dragons melalui acara khas dart yang telah disumbangkan oleh YBhg. Prof Dekan sendiri apabila menewaskan Sphea Scorpions (Perak) yang diwakili oleh Dr. Mohd Ikhbal Huda, Pengurus SPHEA.





Tujuan utama penganjuran FAMES2024 adalah untuk merapatkan tali silaturrahim sesama warga FSSK dan dalam masa yang sama memupuk semangat kesukanan dan perpaduan dalam kalangan ahli-ahli pusat kajian. Enam acara dipertandingkan di dalam FAMES2024 iaitu dart, karom, ping pong, boling, bola tampar dan tarik tali.

FAMES2024 telah dimulakan dengan acara dart, diikuti oleh karom, ping pong, boling, bola tampar dan acara kemuncak adalah tarik tali.

Menariknya, penyertaan FAMES2024 adalah terbuka di mana para ahli akademik, pegawai pelaksana dan kakitangan sokongan akan bersama-sama mewakili pasukan masing-masing untuk merebut tahta kejuaraan. Acara penutup FAMES2024 akan berlangsung pada 19 September 2024.

# DEAN DRAGONS WON THE SULUNG CHAMPIONS



DEAN DRAGONS  
Juara Sulung

FAMES 2024

PERSUKAN	SUKAN FAKULTI (FAMES) FSSK 2024 KEDUDUKAN PINGAT			JUMLAH
	SILAT	PUSAKA	LUNCUR	
DEAN DRAGONS	1	2	2	11
SEEDS SHARKS	2	0	2	6
PSITRA RAPTORS	1	2	2	5
PKBL LIONS	1	2	1	4
MENTICH ERGLES	1	1	2	4
SPHER SCORPIONS	0	3	1	4
BITARR BEE	0	0	2	2



“

*"Saya berharap agar kita dapat bertemu lagi pada FAMES2025, dengan lebih banyak penyertaan, lebih banyak kejayaan, dan lebih banyak kenangan yang dapat kita cipta bersama, buang yang buruk, yang baik dijadikan teladan"*

YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub

Sukan Fakulti (FAMES2024) yang julung-julung kali dianjurkan oleh Fakulti Sains Sosial & Kemanusian menyaksikan pasukan Dean Dragon daripada Pejabat Kedekanan muncul sebagai juara keseluruhan dengan pungutan 7 pingat emas, 2 perak dan 2 gangsa. Kejayaan tersebut menyaksikan pasukan Dean Dragon membawa pulang piala pusingan pada acara penutup yang telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di hadapan Dewan Perdana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, dalam ucapannya berharap agar FAMES dapat terus lagi di masa hadapan kerana jelas mencerminkan kesepakatan, nilai perpaduan dan semangat cintakan fakulti yang jelas masih menebal dalam setiap ahli di FSSK.



# HEALTHCOMM FSSK x KKM x WHO

## Terajui Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan



Pada 8 September 2024 yang lalu, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, secara rasmi telah melancarkan Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) yang bertujuan memperkasa rakyat Malaysia dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam penjagaan kesihatan. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan dalam kalangan rakyat dan mendorong tindakan proaktif dalam menjaga kesihatan mereka.

DLKK merangkumi definisi yang lebih luas mengenai literasi kesihatan, yang tidak hanya melibatkan kemampuan memahami maklumat kesihatan tetapi juga meningkatkan tahap kompetensi individu untuk mengambil langkah-langkah yang efektif dalam penjagaan kesihatan. Garis panduan yang disediakan melalui DLKK akan membantu memastikan setiap pemegang taruh, termasuk individu, agensi kerajaan, sektor swasta, dan NGO, dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam isu-isu kesihatan.

Dasar ini dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama World Health Organization (WHO) dan Pusat C4D UKMxUNICEF Komunikasi Kesihatan (HEALTHCOMM), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).





HEALTHCOMM memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar ini melalui beberapa langkah utama. Ini termasuk menilai dasar dan program literasi kesihatan sedia ada di Malaysia, membangunkan rangka kerja dasar yang sesuai untuk konteks Malaysia, serta mengusulkan pelan strategik bagi pelaksanaan DLKK. Pelan ini melibatkan lebih 100 pemegang taruh dari pelbagai sektor termasuk kerajaan, swasta, dan NGO, dalam usaha memastikan pelaksanaan dasar literasi kesihatan yang berkesan.

Dengan pembiayaan geran penyelidikan daripada WHO, HEALTHCOMM berperanan dalam meningkatkan advokasi polisi, tadbir urus, dan pelaksanaan literasi kesihatan di Malaysia. Matlamatnya adalah untuk memperkuatkannya usaha pencegahan penyakit dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh sistem kesihatan negara dengan melibatkan semua lapisan masyarakat dalam usaha meningkatkan kesihatan secara menyeluruh.

Pelaksanaan DLKK dijangka memberikan impak yang signifikan dalam mengubah cara rakyat Malaysia mengurus dan memahami kesihatan mereka, serta memperkuuhkan sistem kesihatan negara untuk jangka masa panjang.

Dengan memberikan penekanan yang lebih besar terhadap literasi di luar sistem penjagaan kesihatan, langkah ini berpotensi untuk memperkuuhkan usaha pencegahan penyakit dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh sistem kesihatan, dengan melibatkan semua lapisan masyarakat dalam usaha meningkatkan kesihatan secara menyeluruh.



## MAJLIS SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

PELANCARAN DASAR LITERASI KESIHATAN KEBANGSAAN  
& KEMEN PERANGI GULA

Disempurnakan oleh

YAB DATO' SERI ANWAR BIN Ibrahim

Menteri Kebudayaan, Sukan dan Hal Ehwal Rakyat

8 September 2024

Batu Caves, Kuala Lumpur

Malaysia





# KOLOKIUM SISWAZAH PSITRA 2024

## Membentuk Masa Depan Sejahtera Melalui Penyelidikan

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) telah mengadakan Persidangan Kolokium Siswazah PsiTra 2024 (KOLISTRA 2024) yang berlangsung selama dua hari, bermula dari 16 hingga 17 Julai 2024 di Dewan Perdana FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dengan tema "Menuju Kesejahteraan Bersama", KOLISTRA 2024 menekankan usaha untuk mencapai kesejahteraan secara kolektif, sesuai dengan peranan psikologi dalam membentuk masyarakat yang lebih sihat dan harmoni.

KOLISTRA 2024 menawarkan format pembentangan yang fleksibel, dengan gabungan pembentangan secara fizikal dan atas talian bagi memastikan lebih ramai peserta dapat menyertai dan berkongsi hasil kerja mereka, tidak kira dari mana mereka berada.

Majlis perasmian persidangan ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Azlan Abas, Timbalan Dekan Siswazah dan Prof. Madya Dr. Siti Fardaniah Abdul Aziz, Penyelaras Kluster Pembangunan Manusia dan Psikologi Industri, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia yang dalam ucapannya menekankan kepentingan kolokium ini sebagai platform untuk para penyelidik berkongsi penemuan dan memperkuuh penyelidikan mereka agar dapat menghasilkan penyelidikan yang memberi impak kepada kesejahteraan masyarakat.

Tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk menjadi platform penting bagi para siswazah dari Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan (PsiTra) untuk membentangkan cadangan penyelidikan, hasil kajian, atau petikan daripada tesis Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah yang sedang mereka jalankan. Selain daripada itu juga, persidangan ini membuka medan perbincangan isu dan perkembangan terkini dalam penyelidikan di PsiTra yang secara langsung dapat mewujudkan ruang untuk berdiskusi secara ilmiah dan tuntas.





CSR

# CSR FSSK



## Kelestarian Alam Sekitar melalui Program Khidmat Masyarakat FSSK

Seramai 40 sukarelawan yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) turun padang ke Pantai Puteri, Melaka, untuk sama-sama menyumbang tenaga dan keringat dalam Program Khidmat Masyarakat (CSR) yang buat julung kalinya dijalankan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Program ini adalah merupakan sebahagian daripada acara sambutan World Clean Up Day 2024 peringkat kebangsaan yang berlangsung daripada 21 September sehingga 29 September.






Program ini bukan sahaja menumpukan kepada aktiviti pembersihan pantai, tetapi juga bertujuan mendidik masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar. FSSK dan MBMB mengambil inisiatif ini untuk membentulkan tanggapan bahawa penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan semata-mata. Sebaliknya, program ini menekankan bahawa setiap individu perlu memainkan peranan aktif dalam memelihara alam sekitar.

Melalui program ini, FSSK menunjukkan komitmen terhadap usaha mencapai *Sustainable Development Goals* (SDG), terutamanya dalam menjaga kelestarian alam sekitar dan memastikan pengurusan alam semula jadi yang mampan. FSSK berharap agar program seperti ini mendapat penglibatan yang lebih ramai dalam kalangan kakitangan pelaksana, golongan akademik dan pelajar agar dapat memberikan impak positif kepada komuniti serta mendidik generasi masa depan tentang tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar.







# Jiwa Merdeka

## Sambutan Bulan Kemerdekaan FSSK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) tidak ketinggalan untuk turut serta menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 yang mengangkat tema "Malaysia Madani: Jiwa Merdeka". Bersempena dengan sambutan itu juga, FSSK telah menyertai Pertandingan Hiasan Pejabat bersempena Bulan Kemerdekaan ke-67 dan Hari Malaysia ke-61 di sepanjang laluan Chow Kit, FSSK. Pertandingan ini merupakan salah satu platform untuk seluruh warga fakulti menzahirkan rasa cinta dan bangga terhadap negara. Seluruh warga FSSK, termasuk kakitangan akademik dan pelaksana, bersama-sama menceriakan fakulti dengan hiasan kemerdekaan sebagai simbol perpaduan dan usaha untuk menanamkan rasa cinta kepada tanah air dalam kalangan generasi akan datang.

Laluan Chow Kit dihias dengan penuh warna-warni bagi mencerminkan semangat kemerdekaan. Jalur Gemilang berkibar megah, menghiasi setiap sudut ruang, sementara elemen-elemen budaya yang melambangkan kepelbagaiannya kaum di Malaysia menambahkan lagi keunikan hiasan tersebut. Hiasan ini bukan sahaja cantik dipandang, tetapi juga membawa mesej tentang perpaduan dan keharmonian yang menjadi tunjang kepada negara kita.

Selain itu, kreativiti hiasan di laluan Chow Kit di FSSK juga menggunakan bahan-bahan terpakai yang digunakan di dalam binaan replika bangunan Parlimen Malaysia dan Menara Berkembar Petronas yang menjadi simbolik kemegahan Malaysia. Laluan ini juga turut dilengkapi dengan trivia yang memaparkan fakta-fakta menarik tentang kemerdekaan dan pembentukan Malaysia, menambah elemen pendidikan sambil merayakan sejarah negara. Simbolik perasmian penjurian pertandingan ini telah disempurkan oleh Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, bersama-sama juri pertandingan, Encik Harith Faruqi Sidek dengan meletakkan bulan dan bintang pada logo Malaysia Madani.

Dengan semangat kemerdekaan yang dikongsi, tanpa mengira warna kulit, bangsa, keturunan, atau agama, Warga FSSK menunjukkan rasa syukur atas nikmat kemerdekaan yang dikecapi pada hari ini. Kemerdekaan adalah anugerah yang tidak ternilai. Marilah kita semua berdiri bersama dengan hati yang ikhlas dan tekad yang diperbaharui, menghadapi masa depan dengan jiwa yang kuat dan bebas, dalam semangat kebersamaan yang padu, demi memajukan negara tercinta.

Fakulti  
& Sains Sosial  
kemanusiaan

*Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM*

# Lawatan

Lawatan-lawatan ke FSSK



Fakulti  
**Sains Sosial**  
Kemanusiaan  
Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM



**fisip** tri dharma  
untuk negara

## Kerjasama Serantau FSSK UKM x USU

Delegasi dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, telah mengadakan lawatan penanda arasan latihan industri antarabangsa dan lawatan balas kerjasama ke Fakultas Ilmu Sosial Ilmu Politik (FISIP) dan Fakultas Ilmu Budaya (FIB) di Universitas Sumatera Utara (USU), Indonesia.

Kehadiran delegasi dari UKM ini disambut dengan mesra oleh wakil rektor Universitas Sumatera Utara, Prof. Dr. Poppy Anjelisa Zaitun Hasibuan di pejabat rektor USU sebelum berpecah ke Fakultas Ilmu Sosial Ilmu Politik dan Fakultas Ilmu Budaya untuk sesi perbincangan yang lebih mendalam. Di fakultas-fakultas ini, objektif utama perbincangan adalah mengenai latihan industri antarabangsa dan penilaian kerjasama yang telah terjalin.



Fakultas Ilmu Budaya (FIB) USU telah menerima sekitar 10 orang pelajar dari FSSK UKM yang sedang menjalani latihan industri di sana. Lawatan ini bertujuan meninjau keadaan pelajar-pelajar tersebut, khususnya mengenai skop kerja latihan industri yang diberikan, tahap hospitaliti, kebajikan, serta penginapan yang disediakan oleh pihak USU. Lawatan ini juga menjadi kayu ukur untuk kedua-dua fakulti dalam menjayakan latihan industri antarabangsa yang melibatkan pelajar dari kedua-dua institusi.

Selain itu, lawatan ini juga membuka pintu kepada kerjasama penyelidikan antara pensyarah dari kedua-dua universiti. Perbincangan turut menjurus kepada peluang melanjutkan pengajian di peringkat sizzwazah bagi pelajar dan pensyarah FIB USU.

Lawatan ini diakhiri dengan majlis menandatangani dokumen persefahaman (MoU) antara FSSK UKM dan FIB USU. MoU ini merangkumi kerjasama dalam latihan industri antarabangsa pelajar serta perbincangan mengenai lawatan penanda arasan, yang diharapkan dapat memperkuuh hubungan akademik dan memberi manfaat kepada kedua-dua institusi.



## Universiti Malaysia Sabah

Sesi lawatan penanda aras Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah ke FSSK UKM pada 1 Julai 2024 bagimembincangkan tentang tadbir urus pentadbiran, hal ehwal akademik, hal ehwal penyelidikan dan hal ehwal pelajar. Sesi lawatan ini juga turut meninjau fasiliti FSSK UKM seperti makmal, dewan kuliah, fasiliti sokongan pelajar dan Galeri Litograf, Karikatur & Manuskrip serta Muzium Warisan Akademik.



## Universitas Pendidikan Indonesia (UPI)

Sesi kunjungan Fakulti Pendidikan Sains Sosial, Universitas Pendidikan Indonesia ke FSSK UKM pada 23 Julai 2024 yang membincangkan tentang program pertukaran pensyarah dan pelajar, kolaborasi dalam penyelidikan dan seminar serta penerbitan jurnal.



## Politeknik STIA Lan Makassar

Sesi kunjungan Politeknik STIA Lan Makassar ke FSSK UKM pada 24 Julai 2024 bagi membincangkan tentang perkhidmatan awam dan sistem kerajaan di Malaysia serta penerokaan kerjasama dalam program doktor falsafah di FSSK.





## Middle East University, Jordan

Sesi kunjungan Middle East University (MEU), Jordan ke FSSK, UKM pada 30 Julai 2024 bagi membincangkan peluang kerjasama dalam pertukaran kakitangan, akademik dan pelajar. Selain itu, perbincangan turut merangkumi potensi kerjasama penyelidikan serta usaha ke arah memeterai perjanjian kerjasama rasmi antara kedua-dua universiti. Pertemuan ini diharapkan dapat memperkuatkan hubungan akademik dan membuka laluan untuk kerjasama yang lebih mendalam di masa hadapan.

## Universitas Brawijaya, Malang Indonesia

Sesi lawatan Fakulti Sains Sosial dan Politik, Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia ke FSSK, UKM pada 24 Julai 2024. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari strategi komunikasi dan operasi di UKM, khususnya dalam aspek penglibatan fakulti dan pelajar, serta memupuk hubungan akademik di peringkat antarabangsa. Selain itu, delegasi Universitas Brawijaya turut meneroka persekitaran budaya dan akademik di UKM, dengan matlamat memperluas perspektif global dan mempertingkatkan kerjasama antarabangsa.





## Fakultas Kedokteran, Universitas Andalas, Indonesia

FSSK, UKM menerima kunjungan Dekan Fakulti Kedokteran (FKed) Universitas Andalas, Indonesia bagi membincangkan program mobiliti pertukaran kredit selama satu semester serta kolaborasi penyelidikan. Selain itu, turut dibincangkan adalah penempatan pelajar untuk latihan industri bersama rakan strategik kedua-dua institusi. FKed juga telah melantik Prof. Madya Dr. Ba'yah Abdul Kadir daripada PsiTRA sebagai Pensyarah Pelawat di fakulti berkenaan.

## Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP), Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia

Fakulti Ilmu Sosial dan Politik (FISIP) dari Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia telah mengadakan sesi kunjungan rasmi ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 19 Ogos 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan pelbagai peluang kerjasama, termasuk pertukaran pensyarah dan pelajar, serta kolaborasi penyelidikan, khususnya dalam bidang Kerja Sosial, Psikologi, Antropologi, dan Sosiologi.





## Program Studi Doktor Ilmu Pemerintahan, Institut Pemerintahan dalam Negeri (IPDN), Jakarta

FSSK, UKM telah menerima kunjungan daripada mahasiswa PhD Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Jakarta pada 4 September 2024. Sebuah seminar bertajuk "Sustainable Development Goals (SDGs) in The Practice of Government in Malaysia", yang dianjurkan oleh para mahasiswa berkenaan turut berlangsung di Dewan Perdana FSSK dan memfokuskan kepada pelaksanaan matlamat pembangunan lestari (SDGs) dalam konteks pemerintahan di Malaysia.



## Universitas Halu Oleo Kendari, Sulawesi Selatan, Indonesia



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM telah menerima lawatan rasmi daripada Universitas Halu Oleo, Kendari, Sulawesi Selatan, Indonesia pada 6 September 2024. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan penerangan terperinci mengenai program pascasiswazah FSSK-UKM Nusantara serta membincangkan pelbagai peluang kerjasama yang boleh memberikan manfaat kepada kedua-dua institusi.

## Fakultas Perlindungan Masyarakat, Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Indonesia

FSSK, UKM telah menerima kunjungan daripada Fakultas Perlindungan Masyarakat, Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Indonesia pada 26 September 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan pelbagai inisiatif kerjasama, termasuk pertukaran pelajar, kakitangan dan pensyarah, penganjuran simposium antarabangsa, kolaborasi penyelidikan, penglibatan komuniti, serta aktiviti akademik lain yang dapat memperkuuh hubungan antara kedua-dua institusi.





# lawatan

Lawatan FSSK ke Luar Negara



## Universitas Negeri Padang, Indonesia


Barisan ahli pengurusan fakulti yang diketuai oleh Dekan FSSK telah mengadakan sesi perbincangan kerjasama penyelidikan dan penerbitan di Fakulti Ilmu Sosial, Universitas Negeri Padang pada 9 September 2024. Perbincangan ini melibatkan warga akademik dari kedua-dua institusi, khususnya daripada Program Pengajian Sejarah. Hasil perbincangan ini telah membuka peluang untuk mewujudkan penyelidikan kolaborasi antara kedua-dua fakulti, serta memulakan program kuliah antarabangsa.



## Universitas Andalas, Indonesia

Barisan ahli pengurusan fakulti yang diketuai oleh Dekan FSSK telah mengadakan sesi penanda aras dengan Universitas Andalas pada 10 September 2024, yang memberi tumpuan kepada mobiliti pelajar, latihan industri, kuliah antarabangsa, dan penyelidikan kolaborasi. Lawatan ini melibatkan kerjasama dengan Fakulti Ilmu Budaya (FIB) dan Fakultas Kedokteran (FKed) Universitas Andalas. Dalam sesi tersebut, perbincangan terperinci dibuat mengenai penempatan pelajar FSSK UKM dan Universitas Andalas (UNAND) untuk menjalani latihan industri dengan rakan strategik UNAND.

Selain itu, sesi ini juga membincangkan program mobiliti pelajar satu semester antara Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) UKM dengan Fakulti Ilmu Budaya (FIB) dan Fakultas Kedokteran Universitas Andalas. Penekanan turut diberikan kepada peluang penyelidikan kolaborasi melalui Dana Suntikan Padanan Kolaborasi (DSPK) yang ditawarkan oleh FSSK.



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my  
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)  
+603 8921 4741 (Sekreteriat Prasiswazah)  
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)

— FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN —  
**BΛΤΛ**  
M E R A H

